



Jabatan Pengajian Tinggi  
Department of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Tingkat/ level 1-3, Blok/Block E9, Parcel E,  
Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Federal Government Administrative Centre

Tel: (603) 8883 5801  
(603) 8883 5802  
(603) 8883 5848  
(603) 8883 5858  
Faks: (603) 8889 4260  
e- mel : [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)  
Laman web Kemasukan  
Ke IPTA: [upu.mohe.gov.my](http://upu.mohe.gov.my)



---

Ruj kami: JPT (BPKP) 1000/600/014/01 Jld.3 (109)  
Tarikh : September 2009

Semua Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri  
Semua Pegawai Pelajaran Daerah / Bahagian

Semua Pengetua  
Sekolah Menengah Kebangsaan  
Sekolah Menengah Agama Negeri

Y.Bhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**PROSEDUR PEMBELIAN PUKAL NOMBOR UNIK ID APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION) BAGI PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN STPM/STAM/SETARAF SESI AKADEMIK 2010/2011**

---

Adalah saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) akan terus menggunakan kaedah Aplikasi Dalam Talian (**Online Application**) bagi permohonan kemasukan ke IPTA Program Pengajian Ijazah Pertama. Justeru pemohon Lepas STPM/Setaraf perlu mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA melalui **Aplikasi Dalam Talian sahaja**.

3. Sehubungan itu, Y.Bhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dipohon memaklumkan kepada pelajar, ibu bapa dan masyarakat setempat mengenai kaedah yang akan diguna pakai oleh KPT Sesi Akademik 2010/2011. Ini adalah usaha Jabatan ini untuk merealisasikan aspirasi serta dasar kerajaan dalam pengurusan e-Kerajaan dan meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang berkualiti, berintegriti serta mesra pelanggan.

4. Justeru, pihak sekolah diminta membuat pesanan pukal **Nombor Unik ID** bagi pelajar **Tingkatan 6 Atas dan STAM 2009** yang ingin melanjutkan pelajaran ke IPTA bagi Sesi Akademik 2010/2011. Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia memohon jasa baik dan kerjasama dari pihak Y.Bhg Datuk / Datin / Tuan / Puan untuk **melengkapkan Borang BPKP-32A dan Lampiran A** dan berurusan terus dengan **Bank Simpanan Nasional (BSN)** terdekat.



5. Dimaklumkan juga semua bayaran untuk pembelian Nombor Unik ID dikreditkan ke **akaun UPU 14100-29-83030691-5** di mana-mana kaunter cawangan BSN dengan menggunakan **Borang BPKP-32A dan Lampiran A**. BSN akan **membekalkan Nombor Unik ID** kepada sekolah berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui mulai **20 Oktober hingga 20 November 2009**. (**Borang BPKP-32A dan Lampiran A adalah untuk kegunaan BSN sahaja dan tidak perlu dihantar ke BPKP JPT**).

6. Nombor Unik ID adalah **SULIT** dan digunakan untuk mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA sahaja. Sayugia diingatkan agar **pengagihan Nombor Unik ID kepada pelajar dilaksanakan secara berhemah berdasarkan tatacara yang mempunyai ciri-ciri keselamatan**. Ini adalah untuk mengelakkan kebocoran maklumat akibat salah guna Nombor Unik ID untuk tujuan menjejaskan permohonan dan pemilihan kemasukan ke IPTA oleh individu yang tidak beretika dan bertanggungjawab.

7. Bersama-sama ini, disertakan kertas makluman mengenai prosedur berkenaan untuk tindakan Y.Bhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan. Kerjasama awal dari Y.Bhg Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan untuk menjayakan usaha murni ini, kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, untuk makluman dan tindakan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Yang Ikhlas,

**(PROF. DATO' IR. DR. RADIN UMAR RADIN SOHADI)**

Ketua Pengarah

Jabatan Pengajian Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

Tel:-03-88835802

s.k :-

1. Y.Bhg Dato' KSU  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
2. Y.Bhg Tan Sri KPPM  
Kementerian Pelajaran Malaysia
3. Y. Bhg. TKP (A)  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
4. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian  
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Pengarah Pelajaran Negeri  
Kementerian Pelajaran Malaysia
6. Pegawai Pelajaran Bahagian/Daerah  
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Pendaftar / Ketua Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar  
Pejabat Akademik, IPTA



**PROSEDUR PEMBELIAN  
NOMBOR UNIK ID  
APLIKASI DALAM TALIAN  
PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA BAGI  
PROGRAM PENGAJIAN LEPASAN  
STPM/ SETARAF  
SESI AKADEMIK 2010/2011**

**(KATEGORI STPM 2009 DAN STAM 2009,2008 & 2007)**

**BAHAGIAN PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR (BPKP)  
JABATAN PENGAJIAN TINGGI  
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

**OGOS 2009**

**PROSEDUR MEMBELI NOMBOR UNIK ID APLIKASI DALAM TALIAN  
BAGI PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA  
PROGRAM PENGAJIAN BAGI LEPASAN STPM/STAM/SETARAF  
SESI AKADEMIK 2010/2011**

---

**1. PENDAHULUAN**

- 1.1 Permohonan kemasukan ke IPTA bagi Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf Sesi Akademik 2010/2011 adalah melalui Aplikasi Dalam Talian sepenuhnya. Pelajar boleh melayari Laman Web Rasmi Kemasukan ke IPTA secara percuma dari masa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terkini dan tepat di URL <http://upu.mohe.gov.my>
- 1.2 Pemohon dikehendaki membayar **RM 15.60 seorang** yuran wang proses secara pukal melalui sekolah untuk mendapatkan **Nombor Unik ID** permohonan kemasukan ke IPTA dari Bank Simpanan Nasional (BSN) terdekat.
- 1.3 Pemohon dikehendaki memasukkan Nombor Unik ID yang dibekalkan oleh BSN bersama-sama Nombor Kad Pengenalan/ MyKad dan Kata Laluan untuk mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian.
- 1.4 Maklumat lanjut panduan permohonan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) adalah seperti di **Lampiran A1**. Pelajar boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA sehari selepas siaran iklan.
- 1.5 Prosedur ini juga akan memastikan :
  - a) Semua pelajar yang berkelayakan tidak tercicir dari proses permohonan.
  - b) Pelajar boleh mendapatkan nasihat dan bimbingan awal dari para guru Bimbingan Dan Kaunseling dalam memilih program pengajian yang diminati, sesuai dengan kelayakan yang ada, syarat khas program dan '*career path*'.
  - c) Pemohon juga perlu merujuk ke laman web rasmi permohonan di <http://upu.mohe.gov.my> untuk mendapatkan senarai terkini program pengajian dan syarat-syarat khas berkaitan program pengajian yang dipohon. Calon boleh melayari laman web dari masa ke semasa untuk mendapatkan maklumat terkini dan tepat. **Tiada sebarang bayaran dikenakan untuk melayari laman web ini.**
- 1.6 Tarikh tutup permohonan Aplikasi Dalam Talian ialah **30 Mac 2010**.

## 2. PROGRAM PENGAJIAN

### SYARAT PERMOHONAN KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA

- a) Permohonan adalah terbuka kepada **Warganegara Malaysia yang mempunyai Nombor Kad Pengenalan/ MyKad dan Bukan Warganegara Malaysia.**
- b) Semua Program Pengajian di UiTM dikhaskan untuk calon **Bumiputera** sahaja.

### SYARAT AM UNVERSITI

- i) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Setaraf dengan mendapat **kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Kepujian Bahasa Melayu kertas Julai**; dan
- ii) Mendapat sekurang-kurangnya **PNGK 2.00 dan Gred C (NGMP 2.00) dalam 3 mata pelajaran termasuk Pengajian Am dalam peperiksaan STPM** ; atau
- iii) Mendapat sekurang-kurangnya **Pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**; dan
- iv) **Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).**

### SYARAT KHAS

Calon perlu memenuhi syarat – syarat khas program pengajian seperti yang dinyatakan dalam **SYARAT PROGRAM** e-Panduan Permohonan Kemasukan Ke IPTA bagi Program Pengajian Lulusan STPM/Setaraf.

### MAKLUMAT DAN PROSEDUR PERMOHONAN

Pelajar Lulusan STPM/Setaraf boleh memohon ke Program Pengajian Ijazah Pertama di 19 buah IPTA.

Mulai Sesi Akademik 2009/2010 USM telah mendapat status U APEX melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) diberi autonomi menguruskan pengambilan secara berasingan. Selaras dengan pelaksanaan Program APEX oleh KPT, pengurusan permohonan, pemprosesan, pemilihan, penawaran, hebahan dan rayuan bagi Universiti Sains Malaysia (USM-Universiti Program APEX) dikendalikan oleh USM sendiri. **Hanya program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) sahaja diuruskan oleh BPKP JPT.** Sehubungan itu, bagi

program pengajian lain selain dari program pengajian ISMP pemohon boleh melayari laman web [www.usm.my](http://www.usm.my) untuk maklumat lanjut.

Program Pengajian Lepas STPM/Setaraf ini terbahagi kepada tiga (3) kategori seperti berikut:

KATEGORI STPM	KATEGORI STAM	KATEGORI DIPLOMA/SETARAF
Pemohon Lepas STPM Tahun 2009 sahaja	Pemohon Lepas STAM Tahun 2009, 2008 & 2007	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pemohon Lepas STPM/ Matrikulasi Tahun 2008 atau sebelumnya;</li> <li>ii. Pemohon Lepas STAM Tahun 2006 atau sebelumnya</li> <li>iii. Pemohon Lepas Diploma dari IPTA/Politeknik/IPTS;</li> <li>iv. Pemohon Lepas Sek. Sukan Bukit Jalil;</li> <li>v. Pemohon Lepas Sek. Sukan Bandar Penawar, Johor; dan</li> <li>vi. Kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat IPTA.</li> </ul>

Syarat-syarat khas program pengajian yang ditawarkan boleh dirujuk di **e-Panduan** Permohonan Kemasukan ke IPTA Peringkat Ijazah Pertama Sesi Akademik 2010/2011 di ruangan kelayakan Lepas STPM atau STAM untuk memastikan sama ada memenuhi syarat-syarat khas program yang ditetapkan.

Senarai Program Pengajian yang ditawarkan di IPTA bagi Lepas STPM / STAM adalah seperti di **Lampiran B**

Calon-calon yang ingin memohon program pengajian kompetitif seperti **Perubatan, Pergigian dan Farmasi** perlu mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 3 (Band 3) dalam Malaysian University English Test (MUET)** untuk melayakkan calon terpilih ke program berkaitan.

Manakala bagi program pengajian **TESL, Kesusasteraan Bahasa Inggeris dan Undang-undang** perlu mendapat sekurang-kurangnya **Tahap 4 (Band 4)** dalam **Malaysian University English Test (MUET)** untuk melayakkan calon terpilih ke program berkaitan.

Bagi pemohon yang berminat untuk mengikuti Program Pengajian Kompetitif seperti **Perubatan, Pergigian, Farmasi, Sains Kesihatan Bersekutu dan beberapa disiplin Kejuruteraan** perlu bersedia bersaing kerana bilangan tempat yang disediakan adalah terhad. Justeru markah potongan merit '**cut of point**' pelajar bagi Program Pengajian Kompetitif adalah tinggi.

Pemohon dipilih berdasarkan **susunan markah merit (markah akademik 90% + Markah kokurikulum 10%), kombinasi mata pelajaran, pemilihan program pengajian dan serta bilangan tempat** yang disediakan oleh IPTA.

Pemohon membuat pilihan program pengajian berdasarkan keputusan STPM atau STAM.

Pemohon dinasihati agar menyusun **8 pilihan program pengajian** mengikut keutamaan. Pilihan IPTA dan program pengajian perlu diperluaskan untuk meningkatkan peluang mendapatkan tempat di IPTA.

Bagi Program Pengajian yang **BUKAN PENDIDIKAN** yang ada ujian khas dan temu duga pemohon hanya boleh memilih dari **pilihan 1 hingga 4** sahaja.

Jika memilih **Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP)** hanya **Pilihan 1 dan 2** sahaja.

Pemohon yang memohon **Program Pengajian Pendidikan diwajibkan** menduduki ujian *Malaysian Educators Selection Inventory* (MEdSI) dan menghadiri temu duga sekiranya memenuhi syarat am, syarat khas program dan kriteria pemilihan yang ditetapkan.

Semakan panggilan menduduki Ujian MEdSI boleh disemak melalui laman web [www.mpm.edu.my](http://www.mpm.edu.my) mulai **15 April 2010**.

Ujian MEdSI ini akan dilaksanakan pada **24 April 2010** di seluruh Malaysia secara serentak.

Manakala panggilan menghadiri **temu duga** bagi **Program Pengajian ISMP** boleh disemak melalui laman web <http://upu.mohe.gov.my> mulai **11 Mei 2010**.

Tarikh menghadiri temu duga bagi Program Pengajian ISMP ialah pada **18 – 24 Mei 2010**.

Hanya pemohon yang memenuhi **syarat lulus kelayakan STPM** dengan pencapaian **PNGK 2.00 dan STAM dengan Tahap Jayyid** dan memenuhi kelayakan syarat khas program sahaja yang layak dipertimbangkan ke program pengajian yang sesuai.

Adalah diharapkan para Guru Bimbingan dan Kaunseling di semua sekolah dapat memberi bimbingan awal kepada pelajar dari segi kombinasi mata pelajaran, pencapaian PNGK yang diperlukan pencapaian markah kokurikulum serta kriteria pemilihan berasaskan prinsip meritokrasi untuk menentukan '*career path*' mereka.

### **3. PROSEDUR MEMBELI NOMBOR UNIK ID APLIKASI DALAM TALIAN PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA (ONLINE APPLICATION)**

#### **MELALUI SEKOLAH**

Pihak sekolah dikehendaki membuat pesanan secara pukal dengan mengisikan **borang pesanan BPKP 32-A dan Lampiran A seperti dilampirkan** dan berurusan terus dengan mana-mana cawangan BSN.

**Harga satu unit Nombor Unik ID adalah RM 15.00.** BSN akan mengenakan **bayaran perkhidmatan RM 0.60 bagi setiap individu.** Jumlah yang perlu dibayar oleh seorang pelajar ialah **RM 15.60.**

Bayaran untuk mendapatkan Nombor Unik ID adalah atas **Nama dan Nombor Kad Pengenalan/Nombor MyKad pemohon.**

Semasa membuat pembelian pukal Nombor Unik ID, sila nyatakan kategori permohonan seperti berikut :-

**STPM : STPM 2009**

**STAM : STAM 2009, 2008 & 2007**

Pesanan pukat bagi pembelian Nombor Unik ID perlu disertakan salinan Kad Pengenalan/ MyKad pemohon bersama **Borang BPKP 32-A dan Lampiran A seperti dilampirkan** serta jumlah bayaran bagi memudahkan BSN mengeluarkan Nombor Unik ID.

BSN akan menyerahkan Nombor Unik ID yang dipesan terus kepada wakil sekolah berdasarkan tempoh masa yang dipersetujui.

Maklumat lanjut panduan menggunakan sistem permohonan ke IPTA melalui Aplikasi Dalam Talian (Online Application) adalah seperti di **Lampiran A1**. Pelajar boleh mengemukakan permohonan kemasukan ke IPTA **sehari selepas iklan di siarkan sehingga tarikh tutup permohonan**.

**Contoh bayaran ke Bank Simpanan Nasional (BSN):-**

<b>PERMOHONAN LEPASAN STPM/STAM/SETARAF KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA</b>			
<b>Permohonan</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Wang Proses UNIK ID Seorang</b>	<b>Jumlah Besar</b>
<b>Dari Semenanjung Malaysia/Sabah/ Sarawak</b>	<b>100 Pelajar</b>	<b>RM 15.60 X 100 = RM 1560.00</b>	<b>RM 1,560.00</b>

**4. TARIKH PENTING PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA**

Pemohon Lepas STPM/STAM perlu mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian (Online Application)

- 4.1 **Tarikh pelawaan iklan - 31 Januari 2010 (Tentatif)**
- 4.2 **Tarikh mengemukakan permohonan - 02 Februari 2010 (Tentatif)**
- 4.3 **Tarikh tutup permohonan - 30 Mac 2010.** (Tertakluk kepada pindaan, rujuk iklan di media massa dan laman web KPT untuk maklumat lanjut).

***Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP)***  
***Jabatan Pengajian Tinggi***  
***Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia***  
***Ogos 2009***

**PANDUAN MENGISI  
PERMOHONAN KEMASUKAN KE IPTA MELALUI  
APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)  
BAGI LEPASAN STPM/STAM/SETARAF  
KE PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH PERTAMA  
SESI AKADEMIK 2010/2011**

---

- ❖ Pemohon boleh melayari Laman Web Rasmi Kemasukan ke IPTA di url <http://upu.mohe.gov.my> secara percuma untuk mendapatkan maklumat mengenai permohonan kemasukan ke IPTA.
- ❖ Pemohon dikehendaki memasukkan Nombor Unik ID yang didapati dari kaunter / ATM /SMS Banking bagi pemegang Akaun GIRO Bank Simpanan Nasional Malaysia (BSN) untuk mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian sehari selepas iklan.
- ❖ **Jangan dedahkan Nombor Unik ID anda kepada orang lain kerana ia adalah SULIT**
- ❖ **TATACARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN**
  - i. Layari laman Web <http://upu.mohe.gov.my>
  - ii. Klik butang permohonan pada menu utama
  - iii. Masukkan lapan (8) elemen berikut untuk mengemukakan permohonan kali pertama :-
    - i No. Kad Pengenalan/ My Kad
    - ii No. Kad Pengenalan/ My Kad/ Nombor LPM/MPM Semasa Pendaftaran Peperiksaan,
    - iii No. Unik ID,
    - iv Kata Laluan(*alphanumeric* – 6 hingga 8 aksara),
    - v Pengesahan Kata Laluan,
    - vi Nama Ibu,
    - vii Kod Imej, dan
    - viii Kategori
  - iv. Mengisi maklumat permohonan.
  - v. Semak maklumat permohonan.
  - vi. Klik butang sah dan hantar untuk mengesahkan permohonan telah dihantar dan diterima oleh sistem.

- vii. Semakan status permohonan kemasukan ke IPTA boleh dibuat secara serta-merta melalui medan semakan yang disediakan semasa mengemukakan permohonan.
- viii. Cetak maklumat permohonan untuk simpanan dan rujukan.
- ix. Pemohon dibenarkan mengemukakan **satu (1) kali permohonan dan tiga (3) kali pengemaskinian** sehingga tarikh tutup permohonan.

❖ **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan mengenai permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian, sila hubungi ke alamat berikut :-

Pengarah  
Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar  
Jabatan Pengajian Tinggi  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia  
Aras 1, Blok E9, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62505 Putrajaya.

**No Tel** : 03-88835802  
**Hotline** : 03-88835858  
**Helpline** : 03-88835848  
**Faks** : 03-88894260  
**E-mel** : [upu@mohe.gov.my](mailto:upu@mohe.gov.my)

**BORANG PESANAN PUKAL - NOMBOR UNIK ID**

Kepada :

Semua Cawangan BSN

**PESANAN PUKAL NOMBOR UNIK ID PERMOHONAN KEMASUKAN KE  
IPTA BAGI PROGRAM PENGAJIAN STPM/STAM/SETARAF SESI  
AKADEMIK 2010/2011  
(GUNA HURUF BESAR)**

Nama sekolah: \_\_\_\_\_

Kod sekolah : \_\_\_\_\_

Alamat  
sekolah: \_\_\_\_\_

Daerah: \_\_\_\_\_

Bahagian: \_\_\_\_\_

Negeri : \_\_\_\_\_ Poskod : \_\_\_\_\_

Telefon : \_\_\_\_\_ No. Faks : \_\_\_\_\_  
(Pejabat)

e-mel : \_\_\_\_\_

Bil	Program	Kuantiti	Wang proses Nombor Unik ID (RM 15.60 seorang)	Jumlah
1.	<b>Program Pengajian Lulusan STPM</b>			
2.	<b>Program Pengajian Lulusan STAM</b>			

Senarai pesanan Nombor Unik ID adalah seperti di **Lampiran A.**

Tandatangan :

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
Nama.:

Cop Rasmi Jabatan



## CARTA ALIR PERMOHONAN , KEMAS KINI DAN SEMAKAN APLIKASI DALAM TALIAN (ONLINE APPLICATION)

